

LAMPIRAN 1 .

SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A: PENGGUNAAN KAMUS EKABAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

BIODATA

Nama :

Umur :

Nama Sekolah Rendah:

Kelas Peralihan/Tahun:

(jika ada)

Kelulusan PMR/Tahun:

Gred B. Melayu UPSR:

Gred Kertas B. Melayu(PMR):

Pekerjaan ibu :

Pekerjaan bapa:

1. Adakah anda mempunyai kamus ekabahasa? Jika ada, berikan judulnya.
2. Adakah anda mempunyai kamus dwibahasa? Jika ada, berikan judulnya.
3. Adakah pelajar perlu memiliki kamus ekabahasa” Menagapa?
4. Sejak bilakah anda menggunakan kamus?
5. Adakah anda kerap menggunakan kamus?
6. Bila anda menggunakan kamus?
7. Adakah anda membawa kamus ke sekolah?

8. Yang manakah lebih membantu anda, kamus ekabahasa atau dwibahasa? Mengapa?
9. Adakah anda diminta/diwajibkan oleh guru anda membeli kamus? (SK/SMK)
10. Adakah guru anda pernah menerangkan cara menggunakan kamus secara berkesan?
11. Adakah kamus ekabahasa yang anda beli membantu anda dalam penguasaan bahasa?
12. Adakah anda bersetuju bahawa tanpa kamus anda masih dapat mempelajari bahasa secara berkesan?
13. Adakah anda tahu cara menggunakan kamus dengan cekap dan berkesan?
14. Adakah anda diajar cara menggunakan kamus dengan berkesan sebelum ini? Jika ada nyatakan bila anda mula diajar dan siapakah yang mengajarkannya?
15. Pada pendapat anda perlukah seseorang pelajar didedahkan kepada teknik menggunakan kamus dengan berkesan?
16. Adakah anda setuju bahawa sistem kamus itu rumit dan sukar difahami?
17. Seringkah anda berhadapan dengan keadaan makna yang diberikan dalam kamus kurang jelas/tidak difahami?
18. Adakah ayat-ayat contoh diperlukan untuk mendapatkan kejelasan makna?
19. Adakah anda bersetuju bahawa lebih banyak ayat contoh diperlukan?
20. Adakah anda bersetuju bahawa ayat-ayat contoh tidak membantu anda?
20. Adakah ilustrasi membantu anda memahami makna sesuatu kata?

21. Adakah sering berhadapan kata yang anda ingin rujuk tidak dimasukkan dalam kamus?
22. Jika anda tidak berjumpa dengan kata yang anda cari, apakah yang anda lakukan?

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA

LAMPIRAN 2

UJIAN KECEKAPAN MENGGUNAKAN KAMUS DAN KOSA KATA

Nama : _____

Sila jawab semua soalan yang berikut.

BAHAGIAN A: KECEKAPAN MENGGUNAKAN KAMUS

1. Nyatakan maklumat-maklumat yang boleh diperolehi daripada kamus ekabahasa

- | | |
|------------|-------------|
| i. _____ | vi. _____ |
| ii. _____ | vii. _____ |
| iii. _____ | viii. _____ |
| iv. _____ | ix. _____ |
| v. _____ | x. _____ |

2. Jawab soalan-soalan berikut dengan merujuk kepada Kamus Dewan:

- a) Asal usul kata **rangga** ialah - _____
- b) Mengapa kata masukan **ranggi I** dan **ranggi II** diasingkan? _____

- c) Makna kiasan **bapa randuk** ialah - _____
- d) Makna kata **ranggi** yang bertaraf bahasa perbualan: _____
- e) Maksud bentuk **ranggah I**; **meranggah**- _____
- f) Maksud tanda $\rightarrow$ dalam **rang II** $\rightarrow$ **derang I** ialah _____
- g) Makna **rangkaian** dalam bidang Matematik: _____

h) [Di bawah kata masukan **ranggas**] maksud peribahasa *tampak tak akan meleting* ialah: _____

i) Di bawah kata masukan **rangka II** tanda bermaksud _____

j) [Selepas kata masukan **raneh**] (*raneh*) menunjukkan _____

k) *Cryptocarya caesia* adalah nama saintifik bagi _____

l) Kata **meranggah** (dalam **rangguh III**) kurang sesuai digunakan kerana _____

(m))Ungkapan *rang kaya* bermaksud _____

n) Ayat '*pohon-pohon yang sedang subur menghijau tiba-tiba layu* –' [Di bawah subentri **meranggas**] kata **meranggas** bermaksud _____

m) Berdasarkan subentri **merangkaki** dan **merangkakkan** bina satu ayat sendiri bagi setiap kata untuk menunjukkan anda faham akan pertepatan makna dua kata tersebut.

BAHAGIAN B. MAKNA KOSA KATA

I Dengan merujuk *Kamus Dewan* berikan makna kata yang berikut

- a) fobia
- b) inayat
- c) swadaya
- d) calet
- e) ad hoc
- f) atendan
- g) prasarana
- h) propaganda
- i) pasrah

- j) saf
- k) taksub
- l) menaakul
- m) hedonisme
- n) memboikot
- n) pasca
- p) bahari
- q) sepekan
- r) kencana
- s) majelis
- i) tuntas
- u)mapan
- v)terkinja-kinja
- w) perlaksanaan
- x) serantau
- y) persada
- z) memperisteri

II Dengan merujuk *Kamus Dewan* berikan makna istilah yang berikut.

- a) nukleus
- b) kosmik
- c) tepu
- d) bronkitis
- e) levi
- f) meneutralkan (dalam Fizik)
- g) rengsa

III Dengan merujuk *Kamus Dewan* berikan maksud ungkapan dan peribahasa yang berikut.

- a) terang-terang tanah
- b) menyeka keringat
- c) meniti bibir
- d) mata belalang belum pecah
- e) retak menunggu belah
- f) kerenah birokrasi

BAHAGIAN C: APLIKASI KOSA KATA

I Berikan dua makna kata di bawah dan bina dua ayat untuk memperjelas perbezaan makna-makna tersebut.

a) premis

i. _____

ii. _____

b) iklim

i. _____

ii. _____

c) rempah-ratus

i. _____

ii. _____

II Bina satu ayat bagi setiap kata untuk menunjukkan perbezaan maknanya.

a) cucuk – cocok

cucuk: _____

cocok : _____

b) telus - tulus

telus _____

tulus _____

c. pemecahan - perpecahan

pemecahan _____

perpecahan _____

d. pelat - plat

pelat _____

plat _____

e. pojok - pujuk

pojok _____

pujuk _____

III Berdasarkan ayat yang diberikan, nyatakan makna kata yang bertulis tebal.

1. Rina memakai baju berwarna kuning **polos** . _____

2. Jeritanya memecahkan **kesunyian**. _____

3. Dalam pembentangnya, **tercakup** semua konsep musyawarah

4. Aku terlalu letih untuk ke sana **sementelahan** pula hari hujan

5. Dia menekan butang **TEKAN** setelah memasukkan **cakera** itu ke dalam pemacu.
6. Salah satu sifat yang keji ialah kejahatan orang lain yang belum **ditahkikkannya**
itulah diulang-ulang dan dibesar-besarkannya. _____
7. Dia **termengkelan** apabila tertelan tulang ayam. _____
8. Keris tempa Melaka yang panjangnya tiga jengkal itu dijadikan **pendua**. _____
9. Semua kenderaan **menepi** apabila sirem ambulans kedengaran. _____
10. **Mata belalang belum pecah**, dia telah diulit mimpi. _____
11. Walau telah beranak lima, Liza masih dapat mengekalkan **kelangsingan**
badannya.
12. **Subkontraktor** biasanya mengambil projek yang kecil. _____
13. Masyarakat yang **homogen** juga tidak lari dari masalah perbezaan pendapat. _____

IV Dengan merujuk kamus, tandakan (✓) jika betul atau (X) jika salah kolokasi bagi rangkai kata di bawah ini.

- | | |
|--------------------------------------|------------------------------|
| 1. masalah melanda () | 6. mengerumuni stadium () |
| 2. matahari ayun-temayun () | 7. Fikiran yang jernih () |
| 3. melakukan vandalisme () | 8. Kakinya tersungkur () |
| 4. harga bercampur-campur () | 9. Menangkis hujah lawan () |
| 5. tentera Kuwait melanggar Iraq () | 10. Mengolah idea () |

V Dengan merujuk kamus, tandakan (✓) jika betul atau (X) jika salah penggunaan kata yang bercetak tebal dalam ayat yang berikut dan nyatakan kata yang betul.

1. Pelajaran yang susah itu tidak **terpelajari** oleh pelajar yang lemah. ()

2. Syarikat itu sedang berusaha untuk **mempertingkat** mutu pengeluarannya. ()
3. Sikapnya yang **membelakangi** pandangan pemimpin lama sangat dikesali. ()
4. Zahir **menasihatkan** pelajar-pelajarnya supaya berhati-hati menuruni bukit itu.()
5. Walaupun telah lama berpisah dia masih **teringatkan** bekas kekasihnya. ()

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA.

BAHAGIAN D: TEKA SILANG KATA


Arahan: Dengan berbantuan kamus, lengkapkan teka silang kata di bawah ini.

Melintang

1. Tidak berubah-ubah
5. Laksana bunga _____, merah ada berbau tidak
8. Mual
9. Bidang tarah
10. Fikiran
11. Pengetahuan
13. Campur aduk
14. _____ dicincang tak akan putus
16. Bedilan yang dilepaskan ke udara
17. Budi pekerti
18. Bunyi seperti bunyi kerbau
20. Sentiasa menurut perintah
21. Sejenis makanan
23. Kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar
25. Terlalu dimanjakan
27. Baju tebal potongan barat
28. Sangat gembira
29. Nama timang-timangan dalam keluarga

Ke Bawah

1. Tidak berhutang
2. Alat menenun kain
3. Cantik
4. Kebiasaan
5. Pelita yang dibuat daripada lilin
6. Huruf ke lapan abjad Jawi
7. Gerakan berpusing
12. Pangkal pucuk batang palma
13. Perbincangan
14. Kata ganti diri pertama
15. Para-para daripada kayu atau logam
19. Aerial
20. Arah tempat matahari terbi
22. Berkaitan dengan mata dan penglihatan
23. Gelaran
24. Air yang disadap daripada mayang kelapa
26. Boleh didapati
27. Kepingan kertas yang tebal dan keras



Teka Silang Kata Siswa 3/2000

LAMPIRAN 3

RANGKA MODUL TEKNIK MENGGUNAKAN

KAMUS EKABAHASA MELAYU

Modul 1 : Pendahuluan

Apa itu kamus?

Jenis-jenis kamus (ekabahasa, dwibahasa, tribahasa)

Kamus umum, kamus pelajar, kamus istilah, kamus poket, kamus kebalikan, tesaurus

Adakah semua kata diolah dalam kamus? (jumlah kata masukan)

Maklumat-maklumat yang terdapat dalam kamus

(Pelajar membaca Panduan Penggunaan Kamus Dewan Edisi Ketiga)

Modul 2 :Kata masukan dan subkata masukan

I. Kata masukan

terdiri daripada **kata dasar** yang dimuatkan dalam kamus mengikut urutan abjad kata dasar. Kata masukan dicetak tebal.

Latihan: Nyatakan pada halaman mana boleh anda dapati kata masukan (kata dasar yang berikut)

Kata dasar daripada kata-kata berhomonim (kata-kata yang sama ejaan dan sebutannya tetapi berlainan makna) diolah berasingan dan dibezakan dengan angka roman **I, II, III** dan seterusnya.

Latihan : Cari lima kata berhomonim.

II Subentri

i. Subentri diletakkan di bawah kata masukan, dicetak tebal tetapi diensot ke dalam sedikit.

ii. Subentri terdiri daripada **kata terbitan** bagi kata dasar (**berakit** dimuatkan di bawah kata masukan **rakit**)

iii. Kata terbitan yang membawa makna yang sama ditempatkn bergandingan dan dipisahkan oleh koma: **kebaratan, kebarat-baratan** meniru adat orang Eropah

iv. Kata terbitan yang dipisahkan daripada kata dasar sebelumnya oleh tanda koma bernoktah (;) menunjukkan bahawa takrif atau makna hanya diberikan kepada kata terbitan (subkata masukan) bukan kata dasar (kata masukan).

Contoh: **leset I; meleset** tidak tepat, tergelincir

v. Tidak semua kata terbitan bagi sesuatu kata dasar diolah. Kata terbitan yang membawa makna yang tertentu sahaja dimuatkan.. Sebaliknya kata terbitan yang membawa makna biasa seperti yang berikut tidak diolah sebagai kata terbitan/subkata masukan:

ber- yang membawa erti ada (berharta)

ter- yang membawa erti pangkat penghabisan (tertinggi)

ter- yang sama serti dan fungsi dengan awalan di- pasif (terpadam=dipadam)

di- yang membentuk kata kerja pasif. Makna di- pasif hendaklah dirujuk kepada bentuk aktif dengan membuat penyesuaian makna aktif-pasif. (dikerjakan lihat makna mengerjakan)

se- yang membawa makna sama dengan (sebaya)

Latihan : Cari, nyatakan kata masukannya dan berikan makna atau makna pertama subentri yang berikut:

III Frasa, ungkapan, kata majmuk, dan peribahasa

Bentuk-bentuk ini dimuatkan di bawah kata pertama pada frasa, ungkapan, kata majmuk atau peribahasa. Bagaimanapun terdapat beberapa keadaan sesuatu frasa, ungkapan, kata majmuk dan peribahasa itu ditempatkan di bawah kata yang bukan kata pertama iaitu apabila kata tersebut lebih penting atau menunjangi takrif frasa, ungkapan, kata majmuk dan peribahasa dicetak dalam tulisan miring.

Contoh: *buku kerja* di bawah **buku**; *menggenggam erat membuhul mati* di bawah subkata masukan **menggenggam** (kata masukan – **genggam**); *menjilat air liur*, yang sudah dicela dipuji kembali, di bawah kata masukan **liur**

Latihan: Cari, nyatakan halaman dan salin makna kata, rangkai kata, ungkapan dan peribahasa berikut:

berjiwa besar

nafsu nafsi raja di mata sultan di hati

mempertarungkan nasib

rasa pedih cuping telinga

kertas kerja

Modul 3 Tanda-tanda

1. Tanda ~ (disebut tilde) adalah pengganti kata dasar atau kata terbitan yang diolah dalam kamus.

Contoh : **sekapur**; sirih ~, sirih lengkap dengan kapur dan kawannya (pinang, gambir dll)

2. Tanda → *bererti* lihat

Contoh: maksima → maksimum

Tanda ini juga membawa makna merujuk silang. Ini bererti pada kata masukan **maksima**, tiada takrifan diberikan. Sebaliknya untuk mendapatkan takrifannya rujuk kepada kata masukan **maksimum**. Hal ini juga bermakna kata maksimum dianggap kata yang lebih baku atau digalakkan penggunaannya.

3. Tanda = bererti atau atau sama dengan

Contoh: **perdua** 1. = **seperdua** setengah, satu daripada dua

- 4. Tanda † ini dipakai sebagai peringatan bahawa kata yang berkenaan:
- jarang digunakan;
- penggunaannya terbatas kepada sesuatu daerah atau lingkungan sahaja;
- sudah kuno, usang atau mati;
- disangsikan kebenarannya(disebabkan oleh ralat seperti salah baca, salah tulis, salah dengar dan lain-lain)

Contoh: cerling I †; **mencerling** mengerling

Tanda I, II (dan seterusnya) selepas kata masukan bererti kata-kata yang berhomonim. Kata masukan **bangun** ada empat homonim yakni **bangun I**, **bangun II**, **bangun III** dan **bangun IV**.

Kependekan

Kependekan digunakan untuk menyatakan asal usul kata, label dan sebagai glos (pemerian makna). Teliti kependekan yang berikut:

Ar - Arab	MI - Melaka
Br - Brunei	Mn - Minangkabau
C - Cina	NS – Negeri Sembilan

E -Eropah	Ph - Pahang
IB - Indonesia-Belanda	Pl - Perlis
Ig- Inggeris	Pn- Pulau Pinang
Jh - Johor	Pr -Perak
Jk - Jakarta	Si - Singapura
Jw - Jawa	Sl - Selangor
Kd - Kedah	Sr- Sarawak
Kl - Kelantan	Tr - Terengganu
bd - bahasa dalam	it - istilah teknik
bh -bahasa halus	kep - kependekan
bk- bahasa kasar	ki - kiasan
bkn berkenaan	kpd - kepada
bp - bahasa percakapan	lw - lawan
dgn - dengan	mis - misalnya
dll - dan lain-lain	pd - pada
dln - dalam	prb - peribahasa
dr - dari	sbg- sebagai
drpd - daripada	sj - sejenis
dsb - dan sebagainya	sl - sastera lama
ib - istilah ilmu bahasa	spt - seperti
ie - istilah ekonomi	sr - seruan
ipt - istilah pertanian	utk - untuk
is - istilah sains	yg - yang

Ist – istilah am

Latihan:

1. Nyatakan asal-usul kata-kata yang berikut:

abad	larik
balaisah	panjang II
bonet	tingkara
karuk	sulap

2. Nyatakan bidang ilmu bagi istilah berikut:

toksin	tundra	Magnalium
persona	kukur III	beluncas

3. Berikan dua contoh kata bagi setiap label yang berikut: bp, bk, bd, †

pedaka	gini	modar	molor
dewangga	perlip-perlipan	mandung	

Modul 4 : Maklumat yang dapat diperoleh daripada kamus

1. makna kata, kata terbitan ,ungkapan, peribahasa
makna denotatif, makna konotatif., makna kiasan
2. asal-usul kata dan kata pinjaman
3. istilah pelbagai bidang
4. nama saintifik spesies
5. ejaan yang betul
6. sebutan yang betul (e taling dan e pepet)
7. contoh penggunaan kata dalam ayat

8. kolokasi (padanan kata)
9. label sesuatu bahasa (maklumat sama ada kata itu bertaraf bahasa dalam, bahasa halus, bahasa kasar, bahasa perbualan atau bahasa yang usang, atau sastera lama)
10. makna akronim atau kependekan sesuatu kata
11. penggunaan bahasa yang standard atau nonstandard iaitu dengan rujukan silang.

Modul Lima : Kata Terbitan

Proses penerbitan kata /pengimbuhan : awalan, akhiran, sisipan, apitan, gandaan ,
imbuhan pinjaman (pra-. pro. swa- dsb)

Jenis terbitan – Fungsi, makna dan penggunaannya dalam ayat.

beR-

beR-an

beR-kan

teR

meN-

meN-kan

meN-i

peR-

peR-an

peN-an

kata ganda

kata berimbuhan pinjaman

- Latihan:**
1. membina ayat daripada polisem
 2. membina ayat untuk membezakan makna
 3. melengkapkan teks dengan kata yang betul
 4. mengenal pasti dan membetulkan kesilapan ayat dalam perenggan (dari segi kata dan pengimbuhan).

Modul Enam : Makna

Cara pemerian makna sesuatu kata

1. pemberian takrif
2. setiap makna bagi satu masukan ditandai nombor (1., 2., 3 dan sebagainya)
3. memberikan kata seerti sesuatu kata (sinonim)
4. memberikan kata yang berlawanan (antonim) Makna kata berhomonim
5. memberikan makna denotatif dan konotatif atau makna kiasan
6. Memberikan homonim, polisem, homofon, homograf
6. Memberikan maksud rangkai kata/ungkapan
7. Memberikan maksud peribahasa

Modul Lapan : Permainan Bahasa

1. Teka silang kata (pelbagai jenis)
2. Sahiba atau scrabble
3. Roda Impian
4. Hang a man
5. Zapword

LAMPIRAN 4

PENDAHULUAN

Kamus Dewan Edisi Ketiga

Setelah genap usianya 38 tahun, usia yang memaparkan kematangan sesebuah organisasi, Dewan Bahasa dan Pustaka terus menapak selangkah lagi dalam usaha memperlengkap dan mengemaskinikan *Kamus Dewan*, salah satu korpus penting bahasa Melayu yang telah dihasilkannya setakat ini. Sejak penerbitan edisi pertamanya pada 1970, tiga kali penyemakan dan pengemaskinian telah dilakukan kepada versi asal kamus ini. Pengemaskinian pertama dibuat pada tahun 1984 untuk menukarkan sistem ejaan Rumi lama kepada sistem ejaan Rumi baru bahasa Melayu, sejajar dengan pedoman serta senarai perkataan yang terdapat di dalam *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (1981). Selain pemukaran ejaan, kira-kira 900 kata masukan baru turut mewarnai perubahan yang dilakukan kepada kamus ini. Penyemakan dan pengemaskinian fasa kedua dilakukan dengan penghasilan *Kamus Dewan Edisi Baru* (1989). Dalam edisi 1989 ini, kira-kira 2000 kata, termasuk kata dasar dan juga kata terbitan telah dipilih sebagai kata masukan baru kamus ini.

Masa terus berubah, dan minda pengguna bahasa Melayu terus menerobosi pelbagai bidang ilmu, sejajar dengan kepesatan dunia sains, teknologi, budaya, korporat, ekonomi, perindustrian dan lain-lain, di sekitarnya. Penerobosan ini sekali gus melahirkan pelbagai wacana yang mengambarkan kemampuan bahasa Melayu mengungkapkan pelbagai bidang ilmu dengan laras dan gaya bahasa yang berbilang-bagai. Perkembangan ini terpamer dengan penghasilan dan pemantapan kata dan ungkapan baru dalam pelbagai modus bahasa (lisan dan tulisan) dan juga genre. Penghasilan bentuk-bentuk baru ini memerlukan perakaman secara tuntas, berdasarkan hasil kajian. Perakaman inilah yang terkandung di dalam *Kamus Dewan* edisi 1994. Penghasilan *Kamus Dewan Edisi Ketiga* ini merupakan fasa ketiga penyemakan dan pengemaskinian *Kamus Dewan* 1970.

Secara keseluruhannya, ada lima jenis pengemaskinian yang dilakukan ke atas kamus ini, iaitu penambahan kata masukan baru, penambahan makna baru bagi kata masukan yang sedia ada, pembetulan fakta bagi kata masukan yang sedia ada, terutamanya kata yang berkaitan dengan bidang keagamaan, pembetulan aspek tatabahasa supaya sejajar dengan perkembangan terbaru tatabahasa Melayu, terutamanya dalam aspek morfologi, dan penyelarasan serta sedikit pengubahsuaian sistem kamus.

Kira-kira 6000 kata masukan baru yang meliputi 3972 kata dasar serta 2028 kata turunan atau kata terbitan mewajahi *Kamus Dewan Edisi Ketiga* ini. Kata-kata baru yang memuat kamus ini terdiri daripada kata umum, istilah umum dalam pelbagai bidang ilmu, seperti kewangan, ekologi, perubatan, dan lain-lain, kata pinjaman Arab, terutamanya yang berkaitan dengan agama Islam, kata dialek (termasuk kata bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak), kata klasik, slang, dan tidak ketinggalan juga nama-nama zodiak. Sebanyak 2400 ayat contoh tambahan juga dimuatkan di dalam kamus ini untuk menjelaskan makna sesuatu kata dalam konteks masing-masing, sama ada yang merupakan kata masukan baru mahupun yang sedia terdapat di dalam edisi 1989. Pemasukan kata daripada pelbagai laras dan genre, yang juga mencakupi bahasa percakapan seharian, termasuk slang, benar benar mencerminkan ciri *Kamus Dewan* itu sendiri, iaitu sebuah kamus umum yang menggambarkan penggunaan sebenar bahasa Melayu moden.

Dari segi pengejaan kata majmuk, penyusun kamus sedaya upaya cuba akur dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh buku *Tatabahasa Dewan* Edisi Baharu terbitan 1993. Ini bermakna jika dahulunya kata-kata *jalanraya*, *pilihanraya*, dan *keretapi* masing-masing dieja rapat, tetapi supaya selari dengan penetapan yang terbaru ini, ejaan semua kata majmuk dieja terpisah, kecuali beberapa perkataan yang juga telah ditetapkan oleh *Tatabahasa*

Dewan Edisi Baharu, seperti tanggungjawab, pesuruhjaya, olahraga, tandatangan, warganegara, antarabangsa, matahari, kerjasama, dan beritahu.

Ekoran daripada keputusan mengeja kata majmuk secara terpisah, dua pendekatan diambil untuk menentukan kedudukan kata majmuk dalam edisi ketiga ini. Pertama, kata majmuk yang berturunan, sama ada yang sedia ada dalam edisi yang lalu mahupun yang baru dimasukkan, misalnya **aneka warna** yang mempunyai turunan, seperti **beraneka warna**, **menganekawarnakan**, dan **keanekawarnaan**, dijadikan kata masukan yang tersendiri. Kedua, kata majmuk yang pada asalnya (dalam edisi yang lalu) dieja sebagai satu kata dan dijadikan kata masukan yang tersendiri kekal menjadi kata masukan yang tersendiri dalam edisi ketiga ini, walaupun bentuk ini belum mempunyai turunannya. Pendekatan untuk menjadikan kata majmuk yang berturunan sebagai kata masukan yang tersendiri diperluas juga bagi kata ganda. Sebagai contoh ialah kata ganda **haru-biru** yang mempunyai turunan **mengharu-birukan** dan **keharu-biruan**. Selain kata majmuk dan kata ganda, frasa yang berturunan juga dikendalikan sebagai kata masukan yang tersendiri. Keputusan untuk menjadikan kata majmuk, kata ganda, mahupun frasa yang berturunan sebagai kata masukan yang tersendiri bertujuan, selain untuk memudahkan pembacaan, juga untuk menunjukkan proses pembentukan kata: dalam hal ini pembentukan sesuatu bentuk kata kerja, kata nama terbitan, dan lain-lain daripada kata dasarnya yang bukan merupakan kata tunggal.

Dari segi morfologi pula, sesetengah kata akar yang berawalan **meN-** atau yang berapitan **meN-...-kan** dan **meN-...-i** atau yang berapitan **memper-...-kan** dan **memper-...-i** yang selama ini dianggap membawa makna yang serupa, seperti yang terakam dalam *Kamus Dewan* edisi sebelum ini, dikendalikan sebagai kata turunan yang berbeza dengan makna yang berbeza, dalam edisi ketiga ini. Keadan ini dilakukan sekiranya penyusun memperoleh data yang cukup bagi membuktikan bahawa wujud perbezaan makna bagi bentuk-bentuk yang berbeza itu. Sebagai contoh, jika **mengelokkan** dan **memperelok** dijadikan kata turunan setara dan dengan itu dianggap membawa makna yang sama dalam edisi yang lalu, dalam edisi ketiga ini kedua-dua bentuk kata ini dijadikan kata turunan yang berbeza dengan makna yang agak berbeza sedikit: **mengelokkan** bermaksud menjadikan elok, manakala **memperelok** bermaksud menjadikan lebih elok. Selain berasaskan data, keputusan membezakan makna bagi bentuk-bentuk yang berbeza ini juga selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh *Tatabahasa Dewan* Edisi Baharu, 1993. Antara contoh lain ialah bentuk-bentuk **mengindahkan** dan **memperindah**, **mengemas** dan **mengemaskan**, serta **merintang** dan **merintanggi**.

Satu pembaharuan yang ketara dalam *Kamus Dewan* Edisi Ketiga ini ialah penggunaan singkatan tertentu yang melabelkan laras bidang tertentu, misalnya **Mat** digunakan untuk matematik, **Komp** untuk komputer, dan **Psi** untuk psikologi. Sebanyak 22 label bidang digunakan dalam edisi ketiga ini. Dengan memasukkan label bidang ini, pengguna kamus dipandu tentang konteks penggunaan sesuatu konsep yang diuraikan bagi sesuatu kata masukan.

Berhubung dengan pelabelan kata pinjaman, sebahagian daripada label **IB** dan **Ar** yang terdapat dalam *Kamus Dewan* edisi yang lalu telah digugurkan dalam edisi ketiga ini. Pengguguran ini dibuat memandangkan kata-kata yang berkenaan telah begitu luas penggunaannya dalam bahasa Melayu, khususnya di Malaysia sehingga telah menjadi sebahai dan dianggap sebagai sebahagian daripada bahasa Melayu. Pendekatan ini dipilih sejajar dengan pendekatan awal (edisi 1970) yang dibuat bagi kata pinjaman Arab. Tidak semua kata Arab yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu dilabelkan, misalnya **dunia**, **jumaah**, dan lain-lain, dalam edisi 1970. Bagi edisi ketiga ini, hanya kata pinjaman Arab yang masih memaparkan makna khusus, seperti dalam bidang agama Islam, misalnya **Allahumma**, **asar** atau **kira** yang maknanya kurang diketahui umum, misalnya **alwah**, maka label **Ar** itu dibubuh atau dikekalkan. Begitu juga dengan kata yang berlabel **IB**. Sekiranya sesuatu kata itu, misalnya **andil** jarang-jarang digunakan dalam pemakaian umum, maka label **IB** terus

dikekalkan.

Seperti yang dikaitkan sebelum ini, kira-kira 50 kata sukuan daripada Sabah dan Sarawak telah dipilih untuk dijadikan kata masukan kamus ini. Pemasukan kata-kata tersebut di dalam kamus ini merupakan usaha lanjut untuk membakukannya. Langkah pertama untuk membakukan kata-kata ini dilakukan dengan terbitnya sebuah buku kecil yang bertajuk *Kata Bahasa Sukuan untuk Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1988). Antara contoh kata sukuan yang dijadikan kata masukan kamus ini ialah *merarau, randau, lapak, pugai, pugas, dan mera*. Kata-kata sukuan ini dilabelkan sebagai Sr dan Sb, masing-masing mewakili kata sukuan Sarawak dan Sabah.

Usaha untuk menghasilkan *Kamus Dewan* Edisi Ketiga ini dilakukan dalam tempoh kira-kira tiga tahun, iaitu antara 1992 sehingga 1994. Untuk mendapatkan 6000 kata masukan baru seperti yang tersebut di atas, sebanyak 200 buah buku daripada pelbagai bidang dan peringkat pembacaan, serta 50 jenis majalah yang semuanya terbitan sejak 1990 sehingga 1992 telah digunakan sebagai data korpus. Selain buku, lima jenis akhbar harian berbahasa Melayu terbitan sejak 1992 sehingga 1994, risalah, serta rakaman bahasa lisan telah juga digunakan sebagai sumber data korpus untuk menghasilkan kamus ini. Bagi kata yang bersifat agak teknikal yang boleh dikategorikan sebagai istilah umum, kamus-kamus istilah pelbagai bidang ilmu yang telah kami terbitkan setakat ini, seperti *Kamus Biologi KBSM, Kamus Kimia KBSM, Kamus Fizik KBSM, Kamus Perubatan, dan Kamus Ekonomi* telah digunakan sebagai rujukan utama untuk memasukkan kata masukan yang berkenaan. Pemilihan buku-buku terbitan 1990-1992 sebagai data korpus edisi ketiga ini memaparkan kesinambungan kerja pengumpulan data korpus selepas terbitan edisi 1989 kamus ini.

Biarpun pelbagai pendekatan dan kaedah telah diambil untuk mengenskinkin *Kamus Dewan*, seperti yang terpapar dalam edisi ini, demi memastikan ketinggian mutu kerja, sama ada dari segi leksikografi, bahasa, mahupun aspek-aspek teknikalnya, namun tidak dinafikan bahawa kamus ini masih jauh lagi daripada tahap sempurna dan lengkap. Perkataan lengkap dalam kerja perkamusan memang sesuatu yang tidak mudah dicapai kerana sifat kedinamikan bahasa itu sendiri. Sementara menunggu proses pencetakan edisi ketiga ini, ratusan malah ribuan kata dan ungkapan baru mula tercipta oleh minda pengguna bahasa yang memang sedia kreatif. Kata dan ungkapan ini yang lama-kelamaan akan mencapai kemantapan tentunya tidak sempat terakam dalam edisi ini. Inilah antara sekehunmit daripada pelbagai jenis dan tahap kerumitan yang dihadapi dalam dunia perkamusan. Bagaimanapun, kekurangan ini lazimnya akan dapat diatasi dalam edisi seterusnya, insya Allah.

Biar apapun kekuatan dan kelemahan yang terkandung di dalam *Kamus Dewan* Edisi Ketiga ini, harapan kami ialah semoga kamus ini yang merupakan salah satu korpus penting pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu dapat dimanfaatkan oleh pengguna semua. Segala yang baik yang terkandung di dalam kamus ini datangnya daripada Allah jua, manakala yang kurang itu datangnya daripada kami penyusun kamus ini. Untuk itu, kami amat mengalu-alukan pandangan, teguran, dan kritikan daripada pengguna semua berhubung dengan kandungan edisi ini supaya langkah yang positif dapat diambil untuk menbaikinya dalam edisi yang akan datang.

Kuala Lumpur
10 Ogos 1994

Hajah Noreah Baharom
Ketua Editor

**PANDUAN PENGGUNAAN
KAMUS DEWAN EDISI KETIGA**

1. Susunan Kata Masukan

1.1. Kata dasar

- (i) Perkataan-perkataan yang dimuatkan di dalam kamus ini disusun menurut urutan abjad kata dasarnya yang dicetak dengan huruf tebal.
- (ii) Kata-kata dasar yang berupa homonim (kata-kata yang sama ejaannya dan sebutannya tetapi berlainan maknanya) diperturunkan berasingan diikuti dengan angka-angka I, II dan seterusnya sebagai penanda yang memisahkan:

ketam I	(tertutup rapat-rapat)
ketam II; mengetam	(memotong padi)
ketam III	(alat pelicin kayu)
ketam IV	(sj harwan)

1.2 Kata terbitan

- (i) Kata terbitan dimuatkan di bawah kata dasar yang berkenaan:
persenyawaan terdapat di bawah **nyawa**;
keberangkatan di bawah **angkat**, dan sebagainya.
- (ii) Dua atau beberapa kata terbitan yang membawa makna yang sama ditempatkan bergandingan dan dipisahkan dengan tanda koma, misalnya:
berbelasan, berbelas-belas dlm jumlah antara 11 hingga 19
kebaratan, kebarat-baratan meniru-niru adat, cara hidup, kelakuan, dll orang Barat, berlaku spt orang Barat.
- (iii) Kata terbitan yang dipisahkan daripada kata dasar sebelumnya oleh tanda koma bernoktah (;) menunjukkan bahawa takrif dan sebagainya yang diberikan adalah berkaitan dengan kata terbitan yang berkenaan sahaja dan tidak meliputi kata dasarnya:
tampi; menampi I, membersihkan beras (padi, kacang, dll) dgn nyiru yg digerak-gerakkan:....[merupakan takrif bagi **menampi**].
ungkap; mengungkap mengeluarkan atau melahirkan isi hati
- (iv) Kata terbitan yang terbentuk hasil daripada pengimbuhan dengan awalan tertentu seperti yang berikut, yang membawa makna tertentu, tidak dimuatkan kecuali ada pertimbangan tertentu:
 - (a) **ber-** yang hanya membawa erti ada atau mempunyai (misalnya **berjari, bermodal, berpeluru**);
 - (b) **ter-** yang membawa erti superlatif, iaitu pangkat atau peringkat yang penghabisan atau tertinggi (misalnya **tertinggi, terindah, dan lain-lain**);
 - (c) **ter-** yang hanya membawa erti pasif dan sama fungsinya dengan awalan **pasif di**;
 - (d) **di-** yang membentuk kata kerja pasif juga tidak dimuatkan. Pengguna kamus hendaklah merujuk kepada bentuk aktif sesuatu kata kerja untuk mengetahui makna bentuk pasifnya yang berawalan **di-** (dengan pengubahsuaian yang sewajarnya);
 - (e) **se-** yang membawa erti *sama ... dengan* (sebesar, semulia, dan se-

bagainya) umumnya tidak dimuatkan, demikian juga *se-* sebagai awalan yang bererti satu. Kata terbitan yang berawalan sedemikian bagaimana pun dimuatkan berasaskan sesuatu keistimewaan atau pertimbangan tertentu (misalnya, *sehaya*, *sebau*).

1.3. Frasa, ungkapan, kata majmuk, kata ganda

Rangkai kata yang berupa frasa, ungkapan, kata majmuk, dan kata ganda yang menerima turunan atau membentuk kata terbitan melalui pengimbuhan, umumnya dijadikan kata masukan yang tersendiri. Misalnya kata *aneka ragam* yang mempunyai turunan *beraneka ragam* dan *keanekaragaman* dijadikan kata masukan yang tersendiri.

Rangkai kata yang tidak menerima sebarang pengimbuhan untuk menghasilkan kata terbitan umumnya dimuatkan di bawah kata pertama pada rangkai kata yang berkenaan, misalnya *kerja lembur* pada *kerja* dan *pelabuhan bebas* pada *pelabuhan*. Bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan tertentu apabila sesuatu rangkai kata itu ditempatkan di bawah kata yang bukan kata pertama, iaitu apabila difikirkan bahawa kata tersebut lebih penting atau menjadi tumpuan takrif.

2. Ejaan - kata standard dan variasi

2.1 Ejaan yang digunakan dalam kamus ini ialah ejaan Rumi baru yang telah diisytiharkan penakutannya secara rasmi pada 16 Ogos 1972, dan sejajar dengan pedoman serta senarai perkataan yang terdapat di dalam *Daftar Umum Sebutan Buku Bahasa Melayu* (DBP, 1991). Atas beberapa pertimbangan, sebilangan besar perkataan yang berbeza daripada bentuk standard masing-masing, iaitu yang merupakan variasi kata, serta bentuk tertentu variasi ejaan, masih dimuatkan dalam kamus ini sebagai kata masukan yang dirujukkan kepada bentuk ejaan standard, dengan tanda anak panah.

Untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan pengguna umum, perlu diberi penjelasan yang berikut:

2.2 Bentuk standard dan ejaan rasmi

Bentuk standard sesuatu perkataan dengan ejaannya yang diiktiraf sebagai betul dan rasmi ialah sebagaimana yang terdapat pada perkataan yang ditakrifkan (seringkalinya dengan maklumat-maklumat selanjutnya). Perkataan yang diturunkan di akhir takrif bentuk standard ini, atau sebagai muatan rujuk silang, merupakan variasi kepada bentuk standard dan terdiri daripada variasi kata, dan dalam hal-hal tertentu sahaja variasi ejaan.

2.3 Variasi kata

- (i) Variasi kata diperturunkan, terutamanya untuk kepentingan kajian bahasa. Di samping itu ada juga kemungkinannya seseorang pengguna bahasa Melayu yang menemui sesuatu variasi kata dan tidak dapat mengenal pasti atau mengesani bentuk standardnya akan mendapat manfaat daripada rujuk silang yang diberikan dalam kamus ini.
- (ii) Variasi kata yang ketara terhasil daripada pelat atau kegagalan menyebut perkataan dengan betul dan tepat, atau variasi yang difikirkan selama ini amat jarang ditemui, tidak lagi dimuatkan dalam cetakan baru ini - misalnya, *khanduri* (bentuk standardnya, *kenduri*); *lafal* (lafaz), *petenah* (finaah) dan lain-lain.

2.4 Variasi ejaan

- (i) Variasi ejaan bagi perkataan-perkataan tertentu diperturunkan sebagai rujuk silang dengan tanda anak panah yang merujuk kepada bentuk dan ejaan yang standard semata-mata untuk kemudahan pengguna yang mungkin masih keraguan tentang bentuk atau ejaan yang standard. Kemasukan variasi demikian dibataskan kepada bentuk kata yang tertentu sahaja.
- (ii) Ejaan lama
 - (a) Perkataan-perkataan dalam ejaan lama yang luput oleh pelaksanaan sistem ejaan baru dan difikirkan tidak seharusnya menimbulkan kesulitan pada masa kini tidak dimuatkan sama sekali.
 - (b) Perkataan dalam ejaan lama sedemikian umumnya ialah yang tertakluk kepada peraturan-peraturan ejaan yang tertentu seperti:
 - (i) peraturan yang berkaitan dengan keserasian vokal pada suku kata praakhir dan suku kata akhir tertutup (misalnya **balek** menjadi **balik**; **langsong** menjadi **langsung** dan lain-lain);
 - (ii) peraturan yang berkaitan dengan penggunaan gugus konsonan bagi pengejaan kata asing yang tertentu (**keritik** menjadi **kritik**, **sekerip** menjadi **skrip** dan lain-lain);
 - (iii) peraturan-peraturan lain yang diyakini sudah dimaklumi pengguna bahasa Malaysia.
- (iii) Suatu **senarai kata** yang bertujuan untuk membantu pengguna mendapatkan ejaan kata yang betul bagi kata-kata yang banyak variasinya dalam ejaan lama diberikan di bahagian akhir Kamus ini.

3. Sebutan

Sebutan yang diberikan terbatas kepada keterangan bagi sebutan huruf e pada kata dasar. Huruf e yang disebutkan [ɔ] (iaitu e pepet) tidak diberikan keterangan sebutan sedangkan e taling diberikan keterangan sebutannya dengan lambang é.

bela
bela (béla)

semak
semak (sémak)

4. Etimologi

Keterangan etimologi tidak diberikan selengkapnya tetapi hanya sekadar untuk menyatakan bahasa sumber sesuatu perkataan yang sudah meresap ke dalam perbendaharaan bahasa Melayu tetapi masih terasa sifat-sifat keasingannya tanpa memperhitungkan taraf atau peringkat kemeresapan perkataan yang berkaitan di kalangan pengguna bahasa. Maklumat yang terbatas ini diharap dapat menjadi titik permulaan pengkajian dsb tentang kata-kata pinjaman.

5. Tanda tilde (tanda ~)

Tanda tilde atau tanda ~ yang terdapat pada kata masukan pecahan (seperti frasa, ungkapan, dan sebagainya) dan pada contoh penggunaan kata digunakan untuk menggantikan kata dasar atau kata terbitan yang ditakrifkan sebelumnya:

abah III; **abah-abah** *Jw* alat, perkakas, tali-temali; ~ *kuda* alat kuda....

~ *kuda* dimaksudkan: abah-abah kuda.

helah (hélah) *t. akal, muslihat, tipu daya*: *ini satu ~ utk memerangkap dia*; *tipu ~ tipu daya*....

Tanda ~ dimaksudkan menggantikan kata helah.

TANDA

~ pengganti kata dasar atau kata terbitan
(sila lihat *Panduan Penggunaan Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Bahagian 5);

→ *bererti* lihat;

= *bererti* atau, sama dengan;

† tanda ini dipakai sebagai peringatan bahawa kata yang berkenaan:

- (a) jarang dipakai;
- (b) penggunaannya terbatas kepada sesuatu daerah atau lingkungan sahaja;
- (c) sudah kuno atau mati;
- (d) disangsikan kebenarannya (disebabkan oleh salah baca, salah tulis, salah dengar dan lain-lain).

LAMPIRAN 5

C:\Program Files\SPSS\KOSA20082000.sav

	pelajar	bhg_a	bhg_b	bhg_c	bhg_d	jumlah	jum_bcd	kawalan	kbhg_a	kbhg_b	kbhg_c	kbhg_d	jumlah	kjum_bcd
1	KALARUBANI	88.46	71.74	75.00	88.89	81.02	78.54	DANIEL	69.23	54.35	43.18	63.89	57.66	53.81
2	MYTHILI	69.23	78.26	61.36	63.89	68.19	67.84	KIMYUNG	50.00	54.35	54.55	52.78	52.92	53.89
3	THEVAMALA	84.62	71.74	59.10	66.67	70.53	65.84	BAOSHAN	69.23	54.35	47.73	77.78	62.27	59.95
4	FIRDAUS	65.38	58.70	54.55	83.33	65.49	65.53	SHARLINDA	30.77	50.00	36.36	77.78	48.73	54.71
5	MANHOONG	73.08	78.26	47.73	61.11	65.05	62.37	SHARIDAH	53.85	58.70	59.10	83.33	63.75	67.04
6	SIEWLOONG	57.69	82.61	59.10	58.33	64.43	66.68	SALMEE	50.00	43.48	47.73	61.11	50.58	50.77
7	YEOHKEATAI	80.77	71.74	47.73	69.44	67.42	62.97	LAILATUL	38.46	43.48	47.73	77.78	51.86	56.33
8	AISHAH	46.15	58.70	59.10	83.33	61.82	67.04	TANHUCHIA	65.38	54.35	47.73	61.11	57.14	54.40
9	SASIVARMAN	61.54	71.74	47.73	58.33	59.84	59.27	NILAMBIGAI	61.54	63.04	27.27	61.11	53.24	50.47
10	FUNGCHOER	73.08	73.91	47.73	52.78	61.88	58.14	HORCHATE	65.38	36.96	59.10	52.78	53.56	49.61
11	NORHAMIMA	65.38	84.78	61.36	77.78	72.33	74.64	LEONGJIAHU	65.38	56.52	45.45	77.78	61.28	59.92
12	KELVIN	50.00	86.96	50.00	83.33	67.57	73.43	ONGKANGH	42.31	56.52	59.10	52.78	52.68	56.13
13	FATEEMA	76.92	78.26	65.91	86.11	76.80	76.76	SUBAHSINI	50.00	41.30	47.73	52.78	47.95	47.27
14	TARMIZI	76.92	80.43	68.18	80.56	76.52	76.39	KANAGHAVE	53.85	39.13	40.90	52.78	46.67	44.27
15	NGLIKEN	46.15	86.96	52.27	80.56	66.49	73.26	KOKIHING	47.00	56.52	27.27	77.78	52.14	53.86
16	NURULSOBA	42.31	69.51	50.00	86.11	61.98	68.54	NIKHIRNIE	57.69	65.22	59.10	83.33	66.34	69.22
17	ZAHIRA	80.77	86.96	72.73	83.33	80.95	81.01	CHEEKEAT	57.69	54.35	53.13	52.78	54.49	53.42
18	MOHDNOR	42.31	39.22	50.00	83.33	53.72	57.52	KAMALMANUJ	53.85	39.13	40.90	52.78	46.67	44.27
19	BALQIS	42.31	45.65	68.18	83.33	59.87	65.72	INTAN	57.69	50.00	38.64	83.33	57.42	57.32
20	FAREEZ	46.15	43.48	45.45	83.33	54.60	57.42	NADIA	42.31	32.60	43.18	83.33	50.36	53.04

	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means							
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
BHG_A	Equal variances assumed	6.413	.016	2.214	38	.033	9.3805	4.2366	.8039	17.9571
	Equal variances not assumed			2.214	33.122	.034	9.3805	4.2366	.7622	17.9988
BHG_B	Equal variances assumed	2.259	.141	5.394	38	.000	20.7630	3.8490	12.9711	28.5549
	Equal variances not assumed			5.394	31.770	.000	20.7630	3.8490	12.9206	28.6054
BHG_C	Equal variances assumed	.089	.767	3.663	38	.001	10.8665	2.9668	4.8606	16.8724
	Equal variances not assumed			3.663	37.937	.001	10.8665	2.9668	4.8603	16.8727
BHG_D	Equal variances assumed	2.004	.165	2.273	38	.029	8.7485	3.8486	.9574	16.5396
	Equal variances not assumed			2.273	37.379	.029	8.7485	3.8486	.9531	16.5439
JUM_BCD	Equal variances assumed	1.154	.290	6.242	38	.000	13.4605	2.1564	9.0951	17.8259
	Equal variances not assumed			6.242	37.353	.000	13.4605	2.1564	9.0926	17.8284
JUMLAH	Equal variances assumed	1.302	.261	5.792	38	.000	12.4395	2.1477	8.0916	16.7874
	Equal variances not assumed			5.792	34.773	.000	12.4395	2.1477	8.0783	16.8007